

Bangsawan Hikayat Selangor

BANGSAWAN Hikayat Selangor (BHS) akan dipentaskan di Panggung Percubaan, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, pada 20 Mei ini jam 8.30 malam.

Pementasan anjuran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM sempena Malam Tradisi Sastera Rakyat Ke-27 adalah sebahagian daripada tugas amali pelajar yang mengambil kursus Kesusasteraan Rakyat Melayu.

Ahli Jawatankuasa BHS, Nuur Naa'Imah Jelani berkata, pementasan itu akan memberi pendedahan kepada pelajar untuk menghayati keindahan dalam sastera rakyat yang juga satu bentuk seni budaya Malaysia.

“Naskhah Hikayat Selangor diangkat pada tahun ini kerana pementasan teater ini berasaskan kepada pusingan cerita sastera rakyat mengikut negeri. Pada tahun ini, giliran pementasan teater jatuh kepada Selangor.

“Di sebalik kisah teater ini, ada banyak sejarah yang dapat dirungkai, sekali gus memberi pengetahuan mendalam berkaitan sejarah yang berlaku di negeri Selangor,” katanya dalam satu kenyataan melalui e-mel.

Pementasan yang dibuka secara percuma itu menerima tunjuk ajar pelakon, pereka dan penerbit drama, Faizal Zainal Abidin selaku penasihat pementasan serta akan dirasmikan Naib Canselor UPM, Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi.